

# Sekapur Sirih



## PROFESOR MADYA DR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM

Setiausaha Parlimen Kanan  
Kementerian Pendidikan dan  
Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga

---

Sebagai langkah untuk terus mengukuhkan keberkesanan sistem pendidikan di Singapura, Kementerian Pendidikan telah merancang dan melaksanakan usaha pembaikan secara berfasa. Antara lain, kita berusaha untuk mengimbangi antara keberkesanan dan keseronokan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelajar didedahkan kepada pembelajaran secara kreatif bagi mempersiapkan mereka untuk pembelajaran sepanjang hayat. Langkah ini dilengkapi dengan mengurangkan penekanan pada peperiksaan sebagai sebahagian usaha untuk menyuntik keseronokan pembelajaran dan meluaskan konsep kejayaan. Dengan pengurangan sesi penilaian dan pemansuhan peperiksaan pertengahan tahun bagi sebahagian peringkat, terdapat peluang untuk mengukuhkan proses PdP di bilik darjah dan melaksanakan program dan kegiatan pengayaan, dan kokurikulum yang menarik untuk pelajar.

Bagi guru Bahasa Melayu, inisiatif itu juga membuka peluang untuk mereka mengukuhkan PdP Bahasa Melayu di bilik darjah. Saya amat gembira mengetahui Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah menerbitkan buku rujukan berkaitan 'Amalan Pengajaran Singapura' (STP) berdasarkan usaha yang dilakukan oleh Akademi Guru Singapura, dan telah melatih seramai 250 guru sejak akhir 2018. Lantas, Seminar Bahasa Melayu 2019 yang bertemakan '**Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura**' ini merupakan usaha untuk mengukuhkan amalan-amalan pengajaran pengetahuan dan kemahiran bahasa Melayu yang menerapkan kemahiran berfikir dan penggunaan ICT dalam pelaksanaannya. Sesi sidang selari yang melibatkan pembentangan 54 kertas kajian berasaskan bilik darjah yang menerapkan elemen-elemen STP akan dikongsi oleh sekitar 115 orang penyampai. Hasil kajian tersebut pasti menjadi bahan rujukan berguna untuk para guru kita. Syabas saya ucapkan.

Tahniah saya ucapkan kepada MLCS kerana menganjurkan seminar tahunan ini buat kali kesembilan. Usaha ini merupakan iltizam utuh MLCS untuk terus memajukan PdP bahasa Melayu di Singapura dengan pelibatan aktif para guru. Semoga seminar ini memberi manfaat kepada pendidikan dan PdP bahasa Melayu di Singapura.

# Seulas Pinang

## MOHAMED NOH DAIPI

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Akademi Guru Singapura  
Kementerian Pendidikan Singapura



Tahun ini merupakan tahun kesembilan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) menganjurkan Seminar Bahasa Melayu bagi para guru. MLCS mula menganjurkan Seminar Bahasa Melayu pada tahun 2011 secara kolaborasi dengan Unit Bahasa Melayu, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum. Sewaktu itu saya mengetuai kedua-dua pusat dan unit tersebut. Namun selepas saya mengetuai MLCS sepenuhnya bermula pada pertengahan 2014, kerjasama itu tidak diteruskan dengan penarikan diri oleh Unit Bahasa Melayu kerana keperluan tugas. Lantas, MLCS merupakan penganjur tunggal Seminar Bahasa Melayu sejak 2015.

Banyak kejayaan telah diraih oleh MLCS dan guru melalui Seminar Bahasa Melayu. Sejak 2011 hingga 2019, sebanyak 357 kertas kajian bilik darjah telah disampaikan oleh 907 guru semasa sesi sidang selari. Sebanyak 85 buah sekolah telah terlibat dalam menyediakan reruai bagi berkongsi program dan bahan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah masing-masing dengan pelibatan ratusan guru dan pelajar sepanjang sembilan tahun. Lebih daripada 4,500 guru telah menyertai Seminar Bahasa Melayu dalam jangka masa yang sama. Sekitar 120 guru penyampai kertas kajian telah dihantar oleh MLCS untuk berkongsi hasil kajian mereka di persidangan-persidangan serantau. Hal ini semua menunjukkan iltizam MLCS dan guru untuk membudayakan kecemerlangan profesional pendidik Bahasa Melayu.

Tema seminar '**Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura**' dipilih pada tahun ini untuk menyokong usaha Akademi Guru Singapura menyeranta dan melaksanakan 'Amalan Pengajaran Singapura' (STP) dalam kalangan guru kita. MLCS membimbing para guru Bahasa Melayu menerapkan elemen-elemen STP dalam merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan di bilik darjah. Hal ini akan menjadikan PdP Bahasa Melayu lebih interaktif, kreatif, dan yang paling penting menimbulkan minat dan keseronokan dalam diri para pelajar.

Semoga Seminar Bahasa Melayu akan terus membawa manfaat untuk memajukan pendidikan bahasa Melayu di Singapura.